

SIARAN AKHBAR

KERJASAMA DENGAN JEPUN TERUS LIBATKAN ORANG RAMAI DENGAN AKTIVITI MASYARAKAT RENDAH KARBON MELALUI INISIATIF ‘SUDUT LESTARI’ DI PERPUSTAKAAN SULTAN ISMAIL

JOHOR BAHRU, 14 Feb: Pengalaman serta keupayaan rakyat Jepun mengamalkan kehidupan rendah karbon wajar diteladani masyarakat kita, sekaligus mengoptimumkan penggunaan sumber tenaga dan mengurangkan pembaziran dalam negara.

Usaha negara matahari terbit itu bagi mewujudkan perbandaran yang rendah karbon serta rakyatnya yang sentiasa membudayakan penggunaan teknologi hijau sehingga mengurangkan pembuangan karbon itu kini menjadi penanda aras amalan terbaik bertaraf dunia.

Mengambil peluang di atas pengalaman negara Jepun itu, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), *City of Kyoto*, *Kyoto Environmental Activities Association* (KEAA) dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah menandatangani Memorandum Kerjasama mengenai “Kerjasama Teknikal Jepun di Bawah Program Perkongsian JICA Bagi Pembangunan Hab Komuniti Masyarakat Rendah Karbon Sebagai Pusat Pembinaan Kapasiti; Rangkaian dan Model untuk Negara ASEAN”.

Memorandum tersebut menggariskan saranan menjadikan hab itu sebagai pusat pembangunan keupayaan rakyat serta mewujudkan rangkaian dan model masyarakat rendah karbon bagi negara-negara ASEAN.

Hasil daripada kerjasama ini, sebuah sudut kesedaran dan pendidikan alam sekitar yang dinamakan ‘Sudut Lestari’ telah dibina di Perpustakaan Sultan Ismail, Larkin.

Sudut Lestari di Perpustakaan Sultan Ismail menjadi hab perintis yang menyediakan ruang pameran berkaitan kesedaran alam sekitar dan gaya hidup rendah karbon itu kini dibuka kepada para pengunjung.

Menurut YB Dato’ Dr Badrul Hisham bin Kassim, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), “Iskandar Malaysia telah bekerjasama rapat dengan JICA sejak 2010 untuk membangunkan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon di Iskandar Malaysia. Dan seterusnya untuk program Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC) yang dimodelkan daripada program sekolah di Kyoto bermula pada 2013. IRDA berbesar hati Iskandar Malaysia dipilih sekali lagi oleh JICA untuk kerjasama ‘Sudut Lestari’ ini dan yakin ini akan membantu komitmen Iskandar Malaysia untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon.”

Pelbagai program telah dilaksanakan seiring dengan pelan itu termasuk membabitkan pembinaan kapasiti rakyat di segenap lapisan untuk memahami dan mengamalkan budaya rendah karbon.

Turut hadir, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru, Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman; Pengerusi Persatuan Kegiatan Alam Sekitar Kyoto (KEAA), Niikawa Tatsuro; Penolong Pengarah Pejabat Polisi Alam Sekitar Global Bandar Raya Kyoto, Terunuma Takeshi dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) di Malaysia, Takizawa Masahiko.

'Sudut Lestari' ini dibuka kepada orang ramai dari jam 9.30 pagi sehingga jam 5.30 petang pada hari Ahad sehingga hari Khamis. Orang ramai juga boleh memohon untuk mendapat perkhidmatan 'Rakan Lestari' yang akan memberikan penerangan semasa lawatan ke sudut tersebut.

- tamat -

Latarbelakang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)

Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) merupakan sebuah badan berkanun Kerajaan Malaysia yang ditugaskan dengan objektif untuk mengawal selia dan memacu pemegang-pemegang taruh daripada sektor awam dan swasta dalam mencapai visi membangunkan Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan.

Kuasa dan fungsi utama IRDA dalam mencapai objektif di atas ialah merancang, memudahcara dan mempromosi.

Hubungan Media

Norkamarulazman Nordin
Komunikasi Strategik
E: norkamarulazman@irda.com.my
M: 019 7722 041